

Penambahbaikan sokongan institusi ke atas program parol di masa hadapan dalam pengurusan tanaman kelapa sawit

Mohd Fadli Mohd Sharif¹, Zurinah Tahir¹, Muhammad Yusuf Idris¹, Suraiya Ishak¹, Fatin Umaira Mohd Azian¹, Siti Radiaton Adawiyah Zakaria²

¹Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

²Fakulti Alam Bina & Ukur, Universiti Teknologi Malaysia

Correspondence: Muhammad Yusuf Idris (email: muhammadyusufidris@gmail.com)

Received: 24 November 2025; Accepted: 8 June 2026; Published: 26 August 2026

Abstrak

Industri sawit Malaysia, khususnya sektor hulu, berdepan cabaran kekurangan buruh tempatan dan kebergantungan tinggi kepada buruh asing. Bagi mengatasi isu ini, kerajaan memperkenalkan penempatan orang diparol di ladang sawit melalui program pemulihan luar penjara. Kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor kejayaan program pemulihan tersebut serta mencadangkan penambahbaikan pada masa hadapan bagi memberikan impak yang lebih konstruktif dari segi pemulihan sosial bagi bekas banduan ini. Kaedah kajian berbentuk kualitatif menggunakan pendekatan kajian kes pelbagai. Data dikumpul melalui temu bual separa berstruktur terhadap 17 orang informan terdiri daripada pegawai kerajaan, pegawai parol, pengurus ladang, serta pihak industri sawit. Data dianalisis menggunakan ATLAS.ti 23 untuk memetakan tema-tema utama. Dapatan menunjukkan program pemulihan orang diparol di ladang sawit berjaya dari tiga aspek: (i) sistem perlindungan sosial, (ii) sokongan sosial, dan (iii) kawalan sendiri. Namun, kelemahan dari segi sokongan institusi masih wujud terutama ketiadaan dasar yang jelas dan kesediaan majikan yang tidak seimbang. Implikasi kajian ini menunjukkan program parol di ladang sawit wajar diperluaskan secara inklusif sebagai strategi serampang dua mata untuk menyelesaikan isu kekurangan buruh serta menyokong proses reintegrasi banduan. Kajian ini juga mencadangkan supaya program parol dilihat bukan semata-mata sebagai tenaga kerja alternatif, tetapi sebagai bentuk sokongan industri sawit terhadap pemulihan sosial bekas banduan.

Kata kunci: Buruh asing, industri sawit, orang diparol, pemulihan banduan, reintegrasi sosial, sokongan institusi

Enhancing institutional support for future parole programmes in oil palm plantation management

Abstract

The Malaysian palm oil industry, particularly the upstream sector faces challenges related to the shortage of local labour and the high dependence on foreign workers. To address this issue, the

government introduced the placement of parolees in oil palm plantations through an external prison rehabilitation programme. This study aims to identify the success factors of the rehabilitation programme and to propose future improvements in order to create a more constructive impact on the social rehabilitation of former prisoners. The study employed a qualitative method using a multiple case study approach. Data were collected through semi-structured interviews involving 17 informants consisting of government officers, parole officers, plantation managers, and representatives from the palm oil industry. The data were analysed using ATLAS.ti 23 to map the main themes. The findings indicate that the rehabilitation programme for parolees in oil palm plantations was successful in three aspects: (i) social protection systems, (ii) social support, and (iii) self-control. However, weaknesses in institutional support still exist, particularly the absence of clear policies and the uneven readiness of employers. The implications of this study suggest that the parole programme in oil palm plantations should be expanded inclusively as a two-pronged strategy: addressing labour shortages while supporting the reintegration process of former prisoners. This study also suggests that the parole programme should not merely be viewed as an alternative labour source, but rather as a form of support from the palm oil industry towards the social rehabilitation of former prisoners.

Keywords: Foreign workers, palm oil industry, parolees, prisoner rehabilitation, social reintegration, institutional support

Pengenalan

Kebergantungan kepada pekerja asing di sektor ekonomi termasuk industri sawit merupakan barah yang sukar untuk diubati. Berdasarkan kompilasi data oleh KPK (2022) dan KPK (2023), seramai 277,286 orang pekerja di ladang sawit atau 80 peratus ialah terdiri daripada warga asing berbanding seramai 67,535 orang pekerja atau 20 peratus sahaja terdiri daripada warga tempatan daripada keseluruhan 344,821 orang guna tenaga di ladang-ladang sawit pada tahun 2022. Pergerakan keluar pekerja asing dan tiada pergerakan masuk pekerja asing semasa pandemik COVID-19 telah menyebabkan berlaku kekurangan pekerja yang serius. Hal ini disahkan oleh Joseph (2022) yang menyatakan lebih 120,000 kekosongan jawatan di ladang-ladang sawit berlaku sehingga akhir 2022 menyebabkan banyak buah tandan segar (BTS) tidak dapat dituai dan mengakibatkan kerugian kepada industri sawit dan negara sekitar RM20 bilion setahun. Namun, berdasarkan kompilasi data oleh KPK (2022), kekurangan sebenar pekerja di sektor perladangan sawit sehingga 31 Disember 2022 adalah seramai 52,911 orang dengan pecahan kekosongan terbesar merangkumi 28,808 orang melibatkan kategori pekerja penuai dan pemungut BTS dan 17,735 orang bagi kategori pekerja ladang. Manakala, data terkini bagi tahun 2023 menunjukkan pengurangan kepada 43,007 orang dengan pecahan kekosongan terbesar masih melibatkan kategori pekerja penuai dan pemungut BTS seramai 24,141 orang diikuti 13,639 orang pekerja ladang (KPK, 2023).

Kebergantungan industri sawit kepada pekerja asing berpunca daripada kadar upah yang rendah, layanan tidak adil serta stigma pekerjaan 3D iaitu kotor (*dirty*), sukar (*difficult*) dan bahaya (*dangerous*) yang menyebabkan rakyat tempatan kurang berminat bekerja di ladang sawit (Azlizan et al., 2022). Menurut Marlyna, Azianura dan Er (2019), belia tempatan khususnya di kawasan bandar kurang berminat menyertai industri sawit disebabkan persepsi negatif terhadap sektor perladangan dan peningkatan tahap pendidikan yang mempengaruhi pilihan kerjaya mereka.

Nurina, Mohd Na'eim dan Zawiyah (2019) pula menyatakan majikan lebih cenderung memilih pekerja asing kerana faktor komitmen, gaji, sikap memilih pekerjaan dan taraf pendidikan warga tempatan. Nisar et al. (2018) menegaskan keengganan belia bekerja dalam sektor 3D mendorong pengambilan pekerja asing serta mencadangkan penjenamaan semula pekerjaan 3D bagi meningkatkan imej dan prospek kerjaya sektor tersebut. Selain itu, Ang, Athereya dan Chai (2018) berpandangan kebergantungan kepada pekerja asing tidak berkemahiran turut menyumbang kepada kelembapan ekonomi dan menghalang penggunaan teknologi automasi serta peningkatan kadar upah pekerja.

Dalam masa sama, penjara di Malaysia berdepan isu kesesakan apabila jumlah penghuni melebihi kapasiti yang sepatutnya. Jabatan Penjara Malaysia melaporkan bahawa jumlah banduan di seluruh negara telah mencecah kira-kira 70,000 orang berbanding kapasiti sebenar sekitar 62,000 penghuni (MKN, 2022). Bagi menangani cabaran ini, program pemulihan luar penjara seperti sistem parol diperkenalkan dengan menempatkan orang diparol bekerja di ladang sawit. Program ini berperanan dua hala dalam membantu industri sawit mengisi kekosongan tenaga kerja, serta menyokong proses pemulihan dan integrasi sosial banduan melalui peluang pekerjaan, latihan dan persekitaran yang jauh daripada bandar. Program parol di Malaysia dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia (JPM) sebagai alternatif pemulihan berasaskan Akta Parol 1992, yang menekankan pembebasan bersyarat, pemantauan dan sokongan institusi bagi memastikan banduan berpeluang membina kehidupan baharu di luar penjara (Jabatan Penjara Malaysia, 2023). Sektor perladangan sawit dipilih sebagai tapak intervensi kerana peranannya yang signifikan dalam ekonomi negara dan kemampuan menyediakan peluang pekerjaan yang luas. Melalui kerjasama JPM, Pejabat Parol Daerah, pihak majikan ladang sawit dan agensi berkaitan, program ini bukan sahaja menyediakan sumber pendapatan, tetapi juga berfungsi sebagai mekanisme integrasi sosial bagi mengurangkan residivis serta mengubah persepsi masyarakat terhadap bekas banduan.

Dalam konteks pembangunan luar bandar, penglibatan institusi juga penting kerana program parol ini mampu menyumbang kepada kelestarian sosioekonomi kawasan perladangan. Sebagai contoh, dengan menyediakan latihan kemahiran pertanian moden, peluang peningkatan pendapatan dan jaringan komuniti, Orang Diparol bukan sahaja dapat dipulihkan tetapi juga menjadi aset produktif kepada industri sawit. Pendekatan ini selari dengan keperluan pembangunan luar bandar yang semakin dinamik dan menekankan pembangunan modal insan, keterangkuman sosial, peluang pekerjaan serta pengukuhan sokongan komuniti dalam memastikan kelangsungan pembangunan mampan (Marasan, Puteh & Kassim, 2024; Mourão et al., 2025; Sathoo et al., 2021). Justeru, penambahbaikan sokongan institusi dalam program parol ini bukan sahaja relevan dari sudut pemulihan jenayah, malah turut menyumbang kepada agenda pembangunan mapan negara melalui pengukuhan modal insan, peluang pekerjaan, kesejahteraan komuniti dan pembangunan luar bandar yang inklusif (Berkhout et al., 2018; Mourão et al., 2025).

Oleh itu, kajian ini dirancang untuk meneliti faktor-faktor yang mendorong kejayaan program parol di ladang sawit dalam membantu pemulihan orang diparol. Penelitian terhadap pengalaman luar negara menunjukkan bahawa kejayaan program parol banyak dipengaruhi oleh beberapa faktor utama seperti peluang pekerjaan yang stabil, sokongan institusi, penerimaan masyarakat, latihan kemahiran dan pemantauan berterusan selepas pembebasan. Kajian di Amerika Syarikat mendapati bekas banduan yang memperoleh pekerjaan tetap selepas dibebaskan mempunyai kadar pengulangan jenayah yang lebih rendah kerana pekerjaan membantu membentuk kestabilan ekonomi, disiplin diri dan integrasi sosial yang lebih baik (Visser, Debus & Yahner, 2008). Selain itu, program pemulihan berasaskan komuniti di Kanada dan Australia turut menunjukkan bahawa sokongan institusi melalui latihan vokasional, kaunseling dan

pemantauan pegawai parol memainkan peranan penting dalam meningkatkan keyakinan diri serta kebolehpasaran bekas banduan (Borzycki & Baldry, 2003; Griffiths, Dandurand & Murdoch, 2007). Dalam konteks pembangunan luar bandar dan sektor pertanian pula, beberapa negara telah menggunakan pendekatan pekerjaan berasaskan komuniti sebagai medium reintegrasi sosial. Sebagai contoh, program rehabilitasi berasaskan pekerjaan pertanian di Norway dan Belanda didapati berjaya membantu bekas banduan membina rutin kerja yang stabil, memperkukuh kawalan sendiri dan mengurangkan pengasingan sosial melalui penglibatan aktif dalam komuniti setempat (Dammer, 2012; Elings & Hassink, 2008). Penemuan ini menunjukkan bahawa peluang pekerjaan dalam sektor pertanian bukan sahaja memberi manfaat ekonomi, malah berfungsi sebagai mekanisme pemulihan sosial yang berkesan. Oleh itu, penelitian terhadap faktor-faktor kejayaan program parol di luar negara penting sebagai asas untuk memahami sejauh mana faktor yang sama boleh diaplikasikan dalam konteks program parol di ladang sawit di Malaysia.

Secara keseluruhan, program parol di ladang sawit berpotensi besar menjadi strategi dua hala yang menguntungkan negara, iaitu memastikan kelangsungan industri sawit sambil menyokong agenda pemulihan banduan secara inklusif dan tersusun.

Sorotan literatur

Pasaran buruh dan guna tenaga di sektor perladangan sawit di Malaysia

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) (2022) melaporkan bahawa tenaga buruh di Malaysia dianggarkan sekitar 15.8 juta orang pada tahun 2019 dan telah meningkat kepada 16.5 juta orang pada tahun 2022 (Dos, 2022). Bagi memberikan gambaran menyeluruh ke atas keseluruhan tenaga buruh di Malaysia, Bank Dunia (2023) melaporkan kadar penyertaan tenaga buruh tahunan Malaysia bagi tahun 1990 hingga 2020 adalah antara 60 peratus hingga 65 peratus (Bank Dunia, 2023). Kadar penyertaan tenaga buruh tahunan bagi penduduk berumur melebihi 15 tahun ini mengukur jumlah tenaga buruh berbanding jumlah populasi Malaysia menggunakan model yang dibangunkan oleh ILO. Jelas di sini majoriti penduduk Malaysia berada pada umur produktif dan boleh bekerja untuk menyokong pertumbuhan sektor ekonomi termasuk sektor perladangan.

Namun begitu, perkara ini tidak berlaku di sektor perladangan sawit kerana faktor peningkatan taraf pendidikan dan kesan urbanisasi yang menyebabkan sektor perladangan sawit terus bergantung kepada pekerja asing. Fenomena ini disokong oleh Nurina, Mohd Na'eim dan Zawiyah (2019) yang menyatakan antara punca majikan memilih pekerja asing kerana disebabkan faktor komitmen, gaji, sikap memilih pekerjaan dan taraf pendidikan warga tempatan. Kebergantungan kepada pekerja asing juga disebabkan faktor kadar upah yang murah di ladang-ladang sawit dan layanan tidak adil (Azlizan et al., 2022) serta stigma 3D yang menyebabkan rakyat tempatan tidak berminat untuk bekerja di ladang sawit (Nisar et al., 2018). Fenomena ini juga hampir serupa dihadapi oleh pekerja ladang sawit di negara-negara Mesoamerika yang berhadapan dengan rejim penggajian yang fleksibel dan tidak menentu, kadar upah yang rendah dan risiko di tempat kerja yang tinggi (Castellanos-Navarrete, Tobar-Thomas & López-Monzón, 2019).

ILO (2022) melaporkan terdapat kira-kira 2 juta orang pekerja asing yang bekerja secara sah pada tahun 2019 berbanding 15.8 juta tenaga buruh keseluruhan di Malaysia pada tahun yang sama. Manakala, pada tahun 2022 tenaga buruh Malaysia meningkat kepada 16.5 juta orang berbanding 2.1 juta orang pekerja asing direkodkan sehingga Jun tahun yang sama (Anon, 2022).

Pekerja asing di Malaysia adalah diselia oleh peraturan imigresen yang ditentukan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Tanpa Izin (JKKPA-PATI) yang hanya membenarkan penggajian pekerja asing bagi enam sektor ekonomi, iaitu pembuatan, pembinaan, perladangan, pertanian, perkhidmatan dan pekerjaan domestik (ILO, 2022). Ujar ILO (2022) lagi, penggajian pekerja asing di Malaysia hanya dibenarkan selepas majikan telah mengiklan kekosongan jawatan di laman sesawang 'Jobs Malaysia' dan berjaya membuktikan bahawa tiada permohonan diterima di kalangan rakyat tempatan sebelum layak untuk memohon pekerja asing.

Justeru, kajian ini memberikan gambaran kepada isu dominasi pekerja asing kerana majoriti guna tenaga di sektor perladangan sawit adalah di kalangan warga asing. Fakta ini disokong oleh data guna tenaga 2022 di sektor perladangan sawit yang mencatatkan sebanyak 80 peratus atau 277,286 orang pekerja di ladang sawit terdiri daripada pekerja asing berbanding hanya sebanyak 20 peratus atau 67,535 orang pekerja ladang sawit di kalangan warga tempatan (KPK, 2022). Kebergantungan kepada pekerja asing terbukti di mana data guna tenaga bagi tahun 2016 hingga 2021 juga menunjukkan trend yang sama terutamanya bagi kategori pekerja ladang serta kategori penuai dan pemungut buah tandan segar (KPK, 2023). Kebergantungan sektor huluan sawit kepada pekerja asing ini telah memberikan impak tidak sihat bukan sahaja kepada pertumbuhan upah negara malah kerugian kepada ekonomi dalam bentuk pengaliran keluar wang ke luar negara. Malahan semasa pandemik COVID-19, berlaku migrasi keluar pekerja ladang asing yang pulang ke negara asal untuk berada dengan keluarga mereka sehingga menyebabkan kejatuhan pengeluaran CPO negara.

Sistem penjara dan sistem parol di Malaysia

Sistem penjara telah bermula ketika Zaman Kesultanan Melayu dan berkembang selaras dengan perubahan pemerintahan di Tanah Melayu yang menyaksikan para penjajah seperti British menerusi Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) memperkenalkan sistem penjara dari tanah jajahan, iaitu dari India (JPM, 2020). Konsep kepenjaraan pada ketika itu bertujuan untuk menghukum dan menjadikan banduan sebagai tenaga buruh murah untuk mengembangkan ekonomi pihak British. Menurut JPM (2020) menjelang akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19, SHTI telah membawa secara besar-besaran banduan dari India ke Tanah Melayu yang merupakan sistem migrasi paksaan (forced migration) pada ketika itu. Perkara ini turut diakui oleh Sivagami dan Sivachandralingam (2019) yang menyatakan bahawa kemasukan awal buruh dari India ke Tanah Melayu yang terdiri banduan bermula selepas perjanjian selat dimeterai oleh SHTI. Aktiviti pemindahan banduan ke Tanah Melayu juga bertujuan untuk mengurangkan kesesakan penjara-penjara di India.

Konsep kepenjaraan kini tidak hanya tertakluk kepada penjara sebagai tempat untuk menghukum pesalah tetapi lebih cenderung sebagai institusi yang bertanggungjawab untuk menyediakan para banduan untuk kembali semula ke pangkuan masyarakat. Kajian memberikan tumpuan kepada sistem penjara di Malaysia pada zaman pasca-merdeka memandangkan Sistem Parol di Malaysia hanya bermula pada tahun 2008. Usaha Kerajaan untuk memperkenalkan pemulihan banduan yang lebih holistik melibatkan Sistem Parol berlaku selepas Akta Penjara 1955 dipinda dengan memasukkan hal-hal berkaitan parol di bawah Seksyen 46 Akta Penjara (Pindaan) 2008. Akta Penjara (Pindaan) 2008 yang telah digazet pada 7 Februari 2008 adalah punca kuasa ke atas Sistem Parol yang diamalkan di Malaysia pada ketika ini. Bagi memahami konteks kepenjaraan pada masa kini, Hasnizam et al. (2018) menjelaskan bahawa konsep penjara masa kini

dilihat sebagai institusi utama dan penting dalam memulihkan dan menyediakan kemahiran tertentu supaya para banduan dan tahanan yang keluar dari penjara mampu berubah menjadi lebih baik dan menyesuaikan diri dengan masyarakat dan persekitaran serta tidak kembali lagi melakukan kesalahan. Dalam usaha menyediakan banduan sebelum dibebaskan, JPM menyediakan program pemulihan banduan yang terbahagi kepada dua jenis program yang utama yang dilaksanakan, iaitu program pemulihan dalam penjara dan program pemulihan luar penjara. Antara program yang wajib diikuti oleh banduan semasa dalam penjara ialah orientasi, pembentukan perwatakan, ilmu kemahiran dan pemyarakatan.

Bagi memberikan gambaran jelas mengenai Sistem Parol di Malaysia, kajian akan menggunakan Akta 537 (Pindaan 2016) sebagai dokumen asas untuk memberikan kerangka lebih jelas mengenai Sistem Parol yang diamalkan di Malaysia. Bahagian IVA di bawah Akta 537 (Pindaan 2016) menjelaskan dengan terperinci definisi-definisi berkaitan parol termasuk Seksyen 46A (c) yang menjelaskan bahawa “orang diparol” atau ODP ialah seorang banduan yang dilepaskan atas sesuatu Perintah Parol. Manakala, Seksyen 46A (d) menyatakan bahawa “parol” bererti pelepasan seorang banduan bagi menjalani mana-mana bahagian hukuman yang disabitkan ke atasnya di luar penjara seperti ditetapkan oleh suatu Perintah Parol. “Perintah Parol” merupakan satu pelepasan secara parol ke atas banduan yang dikeluarkan oleh Lembaga Parol seperti digariskan dalam Seksyen 46A (g). Antara perkara penting dalam Sistem Parol negara ialah mengenai penubuhan Lembaga Parol yang dinyatakan dalam Seksyen 46B dan kuasa yang diperuntukkan kepada Lembaga Parol di bawah Seksyen 46C. Lembaga Parol terdiri tujuh orang anggota dan Pengerusi Lembaga Parol adalah daripada kalangan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Pengerusi Lembaga Parol akan dibantu oleh seorang pegawai kanan penjara, seorang pegawai kanan polis, seorang pegawai kanan kebajikan dan tiga orang ahli daripada kalangan orang awam. Setiap anggota dalam Lembaga Parol akan dilantik untuk tempoh tiga tahun oleh Yang di-Pertuan Agong (YDPA) dan layak untuk pelanjutan tempoh lantikan selepas tamat tempoh. Lembaga Parol akan bersidang mengikut keperluan dengan arahan Pengerusi Lembaga Parol. Kuorum persidangan Lembaga Parol ialah lima orang anggota dan anggota yang hadir persidangan layak kepada satu undi dan undi majoriti akan diambil kira. Sekiranya keputusan undi Lembaga Parol ialah seri, Pengerusi Lembaga Parol layak membuat undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasa seperti yang ditetapkan di bawah Seksyen 46B (9). Dalam hal ini, Lembaga Parol merupakan badan utama dalam mempertimbangkan banduan yang layak untuk menyertai program parol dan menentukan hala tuju program parol di Malaysia.

Program parol di Malaysia melibatkan pelbagai bentuk asimilasi banduan dalam masyarakat melibatkan pihak keluarga, komuniti dan entiti perniagaan. Menurut KDN (2023), banduan yang diluluskan pelepasan di bawah program parol akan ditempatkan sama ada bersama keluarga, rumah perantaraan (*halfway house*) seliaan JPM atau mengikuti program parol bersama entiti perniagaan yang dikenali sebagai Corporate Smart Internship for Parolee (CSI). Sehingga 31 Disember 2022, seramai 52,571 orang banduan telah mengikuti program parol di seluruh negara (JPM, 2023). Menurut Siti Jalilah (2022), opsyen yang biasanya dipertimbangkan oleh Lembaga Parol sekiranya keluarga menolak untuk menyertai program parol bersama banduan di kediaman ialah rumah perantara dan program CSI. Dalam konteks ini, Syahrul (2021) menerangkan bahawa cetusan idea untuk mewujudkan rumah perantara dibangkitkan dalam Makmal Pengurangan Jenayah yang diadakan pada tahun 2009 di bawah inisiatif Program Penempatan Semula Banduan Selepas Dibebaskan. Terdapat sebanyak 16 buah rumah perantara di seluruh negara yang boleh menyediakan rumah sementara kepada 250 orang banduan. Objektif utama pewujudan rumah perantara ialah untuk memberikan tempat perlindungan kepada banduan yang tidak mempunyai

tempat tinggal supaya dapat menjalani integrasi dengan masyarakat secara sempurna. Opsyen rumah perantaraan dan CSI juga membolehkan banduan mengikuti program parol kerana sekitar 36 peratus keluarga banduan menolak penempatan orang diparol di kediaman (Syahrul, 2023). Menyedari kapasiti penempatan orang diparol di rumah kediaman dan rumah perantara yang terhad, program CSI mula diperkenalkan pada Disember 2016 melibatkan 25 orang diparol yang ditempatkan melibatkan FELCRA Berhad. Cetusan program CSI bukan sahaja bagi meningkatkan jumlah orang diparol malahan menggalakkan penyertaan pihak swasta dalam pemulihan para banduan.

Sokongan institusi

Kajian ini juga meneroka secara terperinci elemen sokongan institusi dalam kejayaan program parol di ladang-ladang sawit. Memahami halangan yang wujud dalam pelaksanaan Sistem Parol adalah suatu yang penting bagi mewujudkan kefahaman yang jitu dalam kajian ini terutamanya bagi menjawab persoalan kajian berkaitan mekanisme pelaksanaan program pemulihan orang diparol dan bentuk cadangan penambahbaikan yang boleh diteroka pada masa hadapan. Berikutan Sistem Parol turut diamalkan di serata dunia dan banyak kajian telah dijalankan melibatkan negara-negara lain, pengkaji menyusun halangan pemulihan orang diparol berdasarkan kajian-kajian lepas di luar negara dan juga beberapa kajian yang dijalankan di dalam negara.

Keputusan yang diputuskan oleh Lembaga Parol sama ada meluluskan atau menolak permohonan banduan untuk dibebaskan secara parol merupakan antara penentu utama kejayaan program parol di serata dunia. Perkara ini turut diakui oleh pengkaji seperti Fitzgerald et al. (2022) yang menyatakan bahawa Lembaga Parol memainkan peranan penting dalam sistem keadilan jenayah dan boleh menjadi penentu populasi penghuni penjara. Dalam kajian yang dilaksanakan oleh Fitzgerald et al. (2022) di empat buah negara, iaitu Australia, New Zealand, Kanada dan Scotland mendapati amalan dan fungsi Lembaga Parol berada di sudut yang bermasalah, sukar dan sensitif dalam keseluruhan sistem keadilan jenayah. Perkara ini terjadi kerana Lembaga Parol tidak mempunyai tata kelola yang jelas berbanding kewujudan sistem perundangan lain seperti sistem mahkamah yang mempunyai sejarah, ketelusan dan kebebasan daripada campur tangan politik. Guiney (2022) mendapati Lembaga Parol telah banyak dipengaruhi oleh prinsip pengurusan awam baharu dengan merujuk kepada petunjuk prestasi utama (KPI) dan pertimbangan nilai untuk wang (*value for money*). Ujar Fitzgerald et al. (2022) lagi, proses penentuan keputusan pembebasan secara parol yang dilaksanakan oleh Lembaga Parol adalah rahsia dan tidak diketahui umum tidak seperti kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah yang mempunyai asas serta boleh dibicarakan semula berdasarkan fakta yang jelas. Perkara ini turut diakui oleh Kokkalera dan Singer (2023) bahawa setiap negeri di Amerika Syarikat mempunyai sistem dan kaedah unik tersendiri dalam menentukan keputusan pembebasan parol.

Sungguhpun pengerusi Lembaga Parol di empat buah negara dikaji dilantik daripada kalangan pegawai atau pesara kehakiman dan disokong oleh staf jabatan koreksional. Lembaga Parol tidak terikat untuk mendedahkan keputusan pembebasan parol kepada umum atau tertakluk kepada semakan kehakiman (Fitzgerald et al., 2022). Komposisi Lembaga Parol di Malaysia turut mempunyai persamaan dengan empat buah negara tersebut di mana pengerusi Lembaga Parol di Malaysia terdiri daripada seorang pengerusi daripada kalangan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Pengerusi ini akan dibantu oleh seorang pegawai kanan penjara, seorang pegawai kanan polis, seorang pegawai kanan kebajikan dan tiga orang ahli daripada kalangan orang awam dan dilantik untuk tempoh tiga tahun oleh YDPA seperti dinyatakan dalam Seksyen

46B Akta 537. Lembaga Parol di Malaysia juga menerapkan amalan serupa di mana keputusan lembaga tidak didedahkan kepada umum.

Metod dan kawasan kajian

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berbentuk kajian kes pelbagai (*multi-case study*) untuk menilai kejayaan program pemulihan orang diparol di ladang sawit. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji memahami secara mendalam pengalaman, cabaran dan keberkesanan pelaksanaan program daripada perspektif pelbagai pihak yang terlibat.



Rajah 1. Kerangka konseptual

Rajah 1 ini menggambarkan triangulasi data kajian kes pelbagai melalui tiga perspektif utama: pihak kerajaan (KDN, JPM), pihak industri sawit (MPOB, FELCRA), dan pegawai parol serta orang diparol (ODP). Ketiga-tiga pihak ini saling melengkapi dalam menyediakan maklumat yang komprehensif mengenai kejayaan program parol di ladang sawit.

Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur melibatkan pegawai kerajaan, pegawai parol, pengurus ladang serta wakil industri yang mempunyai pengalaman secara langsung 11111ka, serta penglibatan komuniti, NGO dan agensi lain. Selain itu, isu cabaran seperti stigma masyarakat, produktiviti pekerja diparol, kekangan sumber manusia, serta kaitan dengan isu buruh paksa turut diperhalusi. Kesemua tema ini membentuk satu gambaran holistik tentang peluang dan cabaran yang mendepani pelaksanaan program parol dalam sektor strategik negara ini.

Dasar dan kerangka institusi

Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada kesemua sesi temu bual, pengkaji mendapati masih tidak terdapat dasar khusus di peringkat Kerajaan Persekutuan berkaitan pemulihan dalam komuniti khususnya program parol di ladang sawit. Ketiadaan dasar ini menjelaskan wujudnya lompong yang luas antara program parol yang dijalankan oleh KDN dan JPM serta penerimaan oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan serta pihak Kerajaan Negeri termasuk kerjasama pihak swasta yang dilihat longgar. Berdasarkan temu bual dijalankan, beberapa perkara diperlukan dalam dasar yang perlu diwujudkan.

Hampir kesemua informan yang ditemu bual membangkitkan keperluan mewujudkan dasar khusus berkaitan pemulihan orang diparol di ladang sawit. Menurut informan yang ditemu bual, pewujudan dasar membolehkan penglibatan organisasi bukan kerajaan (NGO) terlibat dalam pemulihan orang diparol termasuk mengadakan program advokasi pemulihan dalam komuniti di peringkat sekolah serta menjadikan program parol sebagai program nasional. Langkah ini menurut informan juga mampu meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat,

“Jadi masyarakat ini kena dan saya percaya ramai je NGO atau orang jika faham apa itu hasrat dan spirit pemulihan dalam masyarakat tu. So pada saya yang dasar-dasar ini yang kita tak mantap, kita takda orang yang sambut. Kita masih mengharap penjara lihat dalam skop penjara sahaja. Tetapi mekanisme yang lebih besar ini adalah supaya... kita must make that program perlu di ladang sawit ini satu program nasional tau.” (Informan 1).

Informan lain turut membangkitkan keperluan sesuatu dasar perlu bersifat terangkum,

“Program parol ini ada kebbaikannya, ada pro and cons tetapi perlu penelitian untuk dijadikan dasar yang komprehensif.” (Informan 8).

Di samping itu, informan turut membangkitkan mengenai perlunya diwujudkan mekanisme dasar dan pelan tindakan. Pelan tindakan ini perlu mempunyai maklumat organisasi yang terlibat dan melaporkan kepada KDN dan JPM perkembangan secara berkala,

“Dasar yang baik perlu ada pelan tindakan dan pihak pihak terlibat perlu membantu dan melaporkan kepada KDN dan JPM progress masing-masing. Jadi dalam kajian ini jelas kesediaan Kerajaan masih belum ada. Tiada dasar, tiada pelan tindakan dan tiada pihak-pihak terlibat dalam satu mekanisme pelaksanaan program parol”. (Informan 8).

Temu bual yang dijalankan juga mendapati masa yang diperlukan untuk mewujudkan dasar yang komprehensif adalah sangat panjang. Ini kerana Kementerian yang mengetuai inisiatif orang diparol, dalam kes ini, iaitu KDN perlu mendapatkan persetujuan banyak pihak di pihak Kerajaan mahupun swasta sebelum boleh mengangkat kertas pertimbangan yang dinamakan Memorandum Jemaah Menteri untuk kelulusan barisan Kabinet,

“Nak dapatkan dasar itu perlu dapat persetujuan semua pihak seperti MPOB, MPOA, industri sebab industri will gonna take it, nak bayar gaji, mengikut Akta sebagainya. Perlu adakan itu dahulu. Ia akan jadi satu perjalanan yang panjang, perlu juga adakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan (MoF) jika membabitkan insentif dan galakan. Bila nak jadikan dasar

sudah pasti kena dibentangkan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) dan dibincangkan di peringkat Menteri.” (Informan 8).

Bagi memudahkan pemahaman dalam bahagian ini, pengkaji membahagikan aspek-aspek utama diperlukan dalam dasar khusus yang perlu dibangunkan seperti aspek pemilihan majikan; standard minimum di ladang; kerjasama dengan Kementerian/Agensi Kerajaan, NGO dan swasta; peranan masyarakat; kerjasama pemain industri sawit dan insentif; definisi yang jelas dan keseragaman definisi; dan laluan kerjaya orang diparol.

Kesediaan majikan

Kesediaan majikan merupakan faktor penentu kejayaan program parol. Dapatan kajian menunjukkan kecenderungan majikan untuk menyertai program ini sangat bergantung pada situasi tenaga kerja semasa. Ketika pandemik COVID-19 dan sekatan kemasukan buruh asing, banyak ladang membuka peluang kepada orang diparol kerana mereka terdesak. Namun, selepas kelulusan kemasukan pekerja asing pada tahun 2023, jumlah ladang yang menyertai program parol menurun drastik. Hal ini membuktikan bahawa sokongan majikan masih bersifat sementara, bergantung kepada keperluan buruh, bukan atas dasar menyokong pemulihan banduan.

“Sekarang ini kita akan pergi kepada ladang-ladang...apa yang kita kata. Oh very good dia punya facility. Ada yang kita tengok oh ini sewa rumah dan you know kita tak ada standard. Dasar yang kata okey ada macam kita buat rating. Kita tak ada rating tau sampai kita orang ini pernah buat, maybe kita team naziran ini cuba kita buat rating five star dan sebagainya. Jadi kita akan tahu... Oh kalau kita hendak ladang hantar ladang ini sebab dia pengurusan dia sangat baik. Lepas itu tempat dia kemudahan dia sangat cantik. Jadi orang diparol nak pun pergi sana pun oh better daripada saya duduk dekat penjara.” (Informan 1). Manakala menurut informan di pihak swasta, pemilihan syarikat ladang yang kukuh lebih sesuai untuk menyokong program pemulihan orang diparol di ladang sawit, “Tapi apa pun kena pilih syarikat yang established, sebab operasi dia dah ada SOP.” (Informan 11).

Di samping itu, maklumat yang diterima juga turut menyentuh aspek standard minimum yang perlu diwujudkan syarikat perladangan untuk orang diparol. Perkara ini dibangkitkan kerana masih belum terdapat peraturan standard yang digunakan untuk orang diparol di ladang-ladang yang menyebabkan kemudahan disediakan berlainan standard antara ladang yang menyertai program CSI. Informan menyatakan kekhuatiran ketiadaan aspek ini boleh menyebabkan penempatan orang diparol di ladang-ladang sawit dikaitkan dengan isu buruh paksa,

“Boleh jadi satu dasar dan standard apa itu minimum standard untuk ladang sekarang ini kita tengok mana ladang nak... sebab kita tak ada kosong sekarang ini apa ladang-ladang kecil ini memang dia tak buat pekerja asing, jadi kita terpaksa terima dengan keadaan macam itu which is not good. Tapi untuk syarikat besar... sebab dia dah International. Dia kena maintain a certain standard kan. Dia boleh mengelakkan tempat produk lah apa benda... tainted products. Dan satu lagi isunya kalau kita dapat pilih majikan yang bagus. Kita dapat elakkan isu buruh paksa.” (Informan 1).

Perkara sama turut diakui oleh informan lain yang menyatakan tiada ketetapan standard minimum sehingga kini dikenakan ke atas syarikat ladang yang menyertai program CSI,

“Tak ada lah setakat ini. Bila kita buat naziran ada yang tempat bagus, ada yang tempat ish kesiannya tengok rumah, kita berfikir macam manalah dia lepas mohon join parol. Seolah-olah tak ada minimum standard, kita audit you baru lepas. Sebab benda ini akan link balik jika ada isu buruh paksa kemudian hari.” (Informan 3).

Selain itu, perlunya perbincangan mengenai standard di ladang supaya penempatan orang diparol tidak diklasifikasikan mempunyai elemen buruh paksa,

“Kerjasama dan perbincangan juga perlu diadakan supaya dapat memastikan orang diparol tidak termasuk sebagai salah satu elemen di bawah Trafficking Victims Protection Reauthorization Act (TVPRA). TVPRA ini dijadikan rujukan negara seperti Amerika Syarikat dalam menyekat import sawit.” (Informan 8).

Maklumat yang didapati dari temu bual juga mengesahkan bahawa antara sebab industri sawit menghentikan pengambilan orang diparol ialah kerana dikaitkan dengan amalan buruh paksa,

“Bila US block bank itu Sime Darby tak boleh, itu dia tarik handbrake hantar surat dah. Tapi alhamdulillah dia dah clear, in sha allah dalam bulan 11 ini kita akan continue lah. Sime Darby lah akan continues, Boustead dan Tradewind masih tak join.” (Informan 9).

Kesediaan Kementerian Agensi Kerajaan

Keperluan untuk mewujudkan satu kerjasama dengan Kementerian/Agensi Kerajaan lain untuk menggembleng usaha secara bersama. Menurut informan kerjasama erat diperlukan khususnya dalam aspek pemulihan orang diparol sebagai usaha mengurangkan insiden residivisme,

“Macam agensi-agensi Kerajaan macam AADK itu, untuk kita mewujudkan satu mungkin satu badan, task force. Kita boleh panggil satu badanlah. Mungkinlah boleh namakan satu untuk kita matlamatnya untuk kita bersama-sama dalam proses pemulihan itu. Sebab untuk mengelakkan dia relapse.” (Informan 6).

Perkara sama turut dibangkitkan informan lain yang menyatakan tidak terdapat kerjasama erat walaupun antara agensi di bawah KDN mengenai isu kad pengenalan,

“Ini yang kita kata tak ada dasar, tak ada dasar dan pelan tindakan yang jelas ikat semua pihak. Sebab bila contoh kad pengenalan tadilah, bila kemudian ditimbulkan apa ini banduan jual, kata banduan jual ada ke bukti banduan jual kad pengenalan? Bila kena denda pula bila hilang ganti yang kedua kena denda, ganti ketiga kena denda. Sekarang ini banduan duduk dekat penjara, dia pendapatan tak ada nak denda macam mana? ...Ini cara kerja, duit tu kalau denda penjara, JPN dan penjara kantung poketnya sama dari KDN.” (Informan 7).

Pengkaji turut tertarik dengan cadangan informan mengenai penggunaan mekanisme Majlis Keselamatan Negara, Majlis Keselamatan Negeri dan Majlis Keselamatan Daerah untuk memantau dan memulihkan orang diparol dengan penglibatan semua pihak terlibat,

“Peringkat negeri kita ada MKN yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar/Ketua Menteri, dianggotai oleh SUK, CEO kepada pentadbiran negeri, kemudian dianggotai oleh ketua-ketua jabatan, polis, tentera, banyak lagi. Kemudian dia turun di peringkat daerah, Majlis Keselamatan Daerah yang dipengerusikan oleh pegawai daerah, di sini dah ada body, kenapa tidak digunakan.” (Informan 7).

Ketiadaan kerjasama dalam pemulihan melibatkan aktiviti keagamaan dengan institusi lain yang berada di sekitar lokasi orang diparol ditempatkan,

“Kemudian dari segi pegawai agama, pegawai agama hanya bergantung kepada pegawai agama Pejabat Parol Daerah dan juga dengan penjara. Kalau kita nak masukkan itu sebagai kerohanian. Ini yang ustaz-ustaz yang luar masjid, PAID, PERKIM, NGO berlambak-labak. Kenapa tak hubungkan dia. Kita harapkan pegawai penjara sahaja, tak cukup. Kita ada masalah tapi tak address.” (Informan 7).

Kekurangan ini menyebabkan orang diparol yang ditempatkan di syarikat-syarikat tertentu tidak mendapat program intervensi secara berterusan dan mengharapkan program intervensi oleh majikan,

“Sekarang ini bila kita melihat orang diparol dilepaskan kepada CSI, kita nampak apabila kita buat pemantauan, tidak ada program program pemulihan. Sendiri jadi bergantung sepenuhnya kepada majikan. Jadi apa yang kita nak sedangkan asalnya bila sebut pemulihan mesti ada elemen pemulihan semasa parol.” (Informan 7).

Keadaan ini dikatakan terjadi disebabkan ketiadaan dasar khusus mengenai orang diparol sehingga kini. Perkara ini disahkan oleh informan yang mengatakan bahawa buat masa ini hanya terdapat pelan tindakan dalaman yang tidak menghubungkan Kementerian dan Agensi Kerajaan yang lain,

“Kita ada pelan tindakan, pelan tindakan penjara dan sebagainya yang jadi dasar kita. Pelan strategik 2025, lepas itu kita ada beberapa. Tapi dasar Kerajaan yang collaborate semua Kementerian, agensi Kerajaan swasta itu tak ada lah dalam satu dokumen.” (Informan 9).

Ujar informan lagi, ketiadaan dasar juga menyukarkan JPM untuk mengadakan kolaborasi dengan Kementerian dan Agensi Kerajaan lain dalam hal berkaitan latihan kepada orang diparol. Latihan perladangan perlu dikendalikan lebih awal supaya orang diparol yang ditempatkan di ladang mempunyai pengetahuan mencukupi untuk bekerja dan ia pasti memberikan nilai tambah dan memudahkan operasi di ladang,

“Kita ada facilities ruang kita ada macam contoh dekat Penjara Kajang. So kalau you bersama dengan KDN, syarikat ataupun MPOB ke ataupun KPK ke kenalpasti dan provide latihan ia sangat membantu dan ada nilai tambah.” (Informan 9).

Peranan komuniti, NGO dan agensi lain

Antara perkara menarik yang dibangkitkan ialah masih tidak terdapat tata cara untuk memaklumkan komuniti setempat mengenai kehadiran orang diparol di kawasan berdekatan. Menurut informan penyaluran maklumat sebegini membolehkan masyarakat lebih peka dan sama-sama menyokong pemulihan orang diparol di ladang-ladang sawit,

“Sekarang ini kita tak ada dasar itu, kita tak bagi tahu pun ya, bukan its not they right to know. Kita pun nak tahu juga orang diparol ini apa, siapa orangnya, latar belakang dia tu, saya nak tahu juga keluarga saya selamat ke tidak selamat. So mungkin kita saya kata kalau penerimaan masyarakat tu dah besar, dah boleh terima agensi-agensi Kerajaan pun support this program, mungkin the scenario akan different lah.” (Informan 1).

Perkara sama turut dibangkitkan oleh informan lain mengenai perlunya satu jawatankuasa peringkat kampung diwujudkan untuk membantu penyeliaan dan intervensi orang diparol,

“Lembaga itu satu badan bebas. Kita hendak campur tangan sangat tak lah. Cuma kita ada juga bila kita pergi naziran kita jumpa di Pejabat Parol Daerah bagi tahu masalahnya kita mencadangkanlah untuk dia mewujudkan satu jawatankuasa di peringkat Kampung. Jumpa dengan JKKK untuk penyeliaan itu untuk membantu penyeliaan.” (Informan 6).

Jelas di sini, ketiadaan dasar berkaitan telah menyebabkan pelaksanaan program parol sangat tertutup dan tidak melibatkan banyak pihak termasuk komuniti setempat. Perkara yang sama turut dibangkitkan informan lain mengenai perlunya penglibatan agensi-agensi di daerah dan peringkat kampung terlibat sama dalam program pemulihan orang diparol di ladang sawit,

“Mungkin kita di peringkat daerah ini ataupun peringkat kampung, kita banyak agensi-agensi yang boleh menolong, agensi penghulu, agensi ketua kampung, JKKK, masjid, NGO, Pejabat Daerah, polis, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), apa lagi yang boleh duduk bersama, bagaimana hendak mengatasi masalah ini kepada orang diparol. Tapi tak buat, tiada lagi.” (Informan 7).

Selain itu, perlunya kerjasama khas dengan syarikat-syarikat perladangan dan pewujudan insentif khas kepada pemain industri. Pada ketika ini masih belum ada ketetapan dasar mengenai peranan syarikat perladangan dalam pemulihan orang diparol di ladang sawit,

“Sebab lagi satu dia ini apa ini industri player pun kena main peranan juga. So siapa yang control? Kementerian Perusahaan Perladangan dia kena panggil industri player, okey semua datang kita ada program ini, apa insentif Kerajaan nak bagi kat dia? Sekali inisiatif tak ada, engagement dengan industri player dengan pihak penjara.” (Informan 2).

Temu bual dijalankan juga mendapati informan menyatakan rasa tidak selesa dengan dasar pada ketika ini yang sangat mesra pekerja asing,

“So this is will depend on the discussion and the dasar polisi Kerajaan. Tetapi Kerajaan tidak fikir benda-benda yang asyik nak ambil pekerja asing, pekerja asing.” (Informan 2).

Maklumat ini juga selari dengan pandangan yang diterima daripada informan berkenaan bentuk insentif yang boleh ditawarkan Kerajaan kepada syarikat perladangan dan penelitian kepada kos dan keupayaan orang diparol serta bentuk insentif yang boleh ditawarkan oleh Kerajaan kepada syarikat perladangan,

“Selain itu banyaklah faktor sekiranya majikan menolak program parol di ladang perlu diteliti seperti dari sudut keupayaan orang diparol, kos menyediakan kemudahan tempat tinggal dan sebagainya. Sekiranya ianya benar berlaku, apa counter proposal daripada pihak Kerajaan kepada industri. (Informan 8).

Penambahbaikan dan sokongan institusi

Pertamanya, kajian mendapati perlu diwujudkan satu bentuk dasar pemulihan orang diparol khususnya berkenaan penempatan orang diparol di ladang-ladang sawit. Berdasarkan dapatan kajian beberapa perkara utama perlu diberikan perhatian di bawah dimensi dasar yang jelas. Pada ketika ini program parol dilaksanakan tanpa dokumen dasar yang menjadi punca kuasa kepada KDN dan JPM untuk menghubungkan kesemua Kementerian/Agensi Kerajaan, pihak swasta, NGO dan masyarakat. Perkara ini menjelaskan kenapa program parol sukar mendapatkan kerjasama pelbagai pihak termasuk industri sawit kerana pelaksanaannya sangat bersifat *silo*. Dasar yang dibangunkan perlu mewujudkan dengan jelas mekanisme pemilihan majikan yang layak dan berupaya membantu pemulihan orang diparol.

Dasar yang diwujudkan juga perlu menyatakan dengan jelas bentuk standard kemudahan dan layanan minimum yang perlu ada di ladang. Pengkaji mendapati ketiadaan pembangunan norma dan standard di ladang menyebabkan terdapat ladang yang tidak layak tetapi masih menyertai program parol. Isu ini juga boleh menyebabkan muncul tuduhan amalan buruh paksa yang akan merugikan negara kerana industri sawit adalah berorientasikan eksport. Insiden ini pernah berlaku di US CBP mengeluarkan WRO ke atas Sime Darby Plantation Berhad atas dakwaan terdapat amalan buruh paksa berlaku di ladang-ladang milik Sime Darby (US CBP, 2020). Di samping itu, kerangka kerjasama perlu diwujudkan di bawah dasar yang dibangunkan bagi memudahkan pelaksanaan dasar orang diparol. Pengkaji tertarik dengan cadangan informan supaya kerangka kerjasama pemulihan orang diparol boleh menggunakan kerangka kerjasama sedia ada seperti Majlis Keselamatan Negara di peringkat persekutuan, Majlis Keselamatan Negeri di peringkat negeri dan Majlis Keselamatan Daerah di peringkat daerah. Pengkaji berpendapat keahlian di dalam kerangka kerjasama ini perlulah inklusif bukan sahaja melibatkan Kementerian/Agensi Kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan daerah tetapi turut melibatkan NGONGO, syarikat perladangan dan komuniti terbabit yang terlibat dengan program parol. Dasar yang diwujudkan juga perlu dengan jelas menyatakan bentuk kerjasama dengan industri sawit dan bentuk pemberian insentif berterusan sebagai imbalan kepada kerjasama sektor korporat.

Di bawah dasar ini juga perlu menyatakan dengan jelas mekanisme di peringkat komuniti dan kampung supaya masyarakat setempat dapat bersama-sama terlibat secara aktif dan diberikan maklumat yang sewajarnya. Ini kerana sebagai program pemulihan dalam komuniti, ketiadaan penglibatan komuniti setempat ialah sesuatu yang canggung. Jelas di sini penglibatan komuniti setempat juga sangat diperlukan seperti JKKK, masjid, serta rumah ibadat lain bagi memastikan semua pihak dapat bekerjasama. Selain daripada itu, dasar yang dibangunkan memerlukan definisi yang jelas dan seragam bagi melicinkan pengoperasian program parol. Di bawah perkara ini

definisi orang diparol di ladang perlu jelas dan seragam di seluruh negara melibatkan bentuk layanan di ladang, definisi di bawah tenaga kerja dan pelbagai lagi. Kejelasan definisi dan norma juga perlu dibangunkan dengan bantuan pakar undang-undang buruh dan melibatkan semua pihak terutamanya agensi luar seperti ILO yang sering dirujuk oleh negara pengimport sawit seperti Amerika Syarikat. Selain itu, dasar dibangunkan juga perlu menjelaskan bentuk laluan kerjaya bagi orang diparol yang boleh dirangka dengan kerjasama pihak industri. Pengkaji mendapati kejelasan laluan kerjaya kepada orang diparol membolehkan elemen motivasi disuntik dalam pemulihan orang diparol. Laluan kerjaya yang jelas juga membolehkan negara merangka pelan komprehensif menggantikan buruh asing pada masa hadapan.

Mewujudkan suatu penghargaan kepada majikan termasuk mewujudkan insentif bukan kewangan bagi meningkatkan penyertaan syarikat perladangan juga dilihat sebagai salah satu penambahbaikan yang boleh dipraktikkan. Terdapat informan yang menyarankan supaya pengambilan orang diparol dikira sebagai satu strategi kemampanan syarikat di bawah pensijilan MSPO. Pengkaji dalam hal ini bersetuju dengan cadangan untuk menghubungkan program parol sebagai salah satu kriteria kemampanan di bawah MSPO di mana syarikat perladangan membantu daripada segi pemulihan orang diparol dan penggalakkan peningkatan taraf hidup golongan rentan. Pemberian anugerah juga dicadangkan sebagai satu bentuk penghargaan kepada syarikat-syarikat yang menyahut seruan Kerajaan dalam membantu pemulihan orang diparol. Pengkaji tertarik supaya kesemua perkara ini turut dijadikan sebuah kisah kejayaan kemampanan di sektor huluan sawit yang boleh diketengahkan sebagai satu bentuk kemampanan industri.

Selanjutnya, kesediaan majikan juga terhalang dengan kecenderungan mereka menggaji warga asing. Berdasarkan dapatan kajian, pekerja asing dikatakan lebih fleksibel, mudah diarah dan lasak berbanding buruh tempatan. Pekerja asing juga dikatakan sanggup bekerja untuk tempoh yang lama berbanding orang tempatan termasuk orang diparol. Kenyataan ini selari dengan situasi semasa di mana penempatan parol semakin berkurangan selepas majikan diluluskan kemasukan pekerja asing bermula awal tahun ini. Malahan terdapat majikan menghentikan dan mengurangkan pengambilan orang diparol apabila diluluskan kuota pekerja asing.

Kesediaan JPM sebagai pelaksana program parol sangat bergantung kepada dokumen dasar kepenjaraan atau dokumen dasar parol. Namun seperti yang dijelaskan sebelum ini, program parol dijalankan tanpa dokumen dasar sebagai punca kuasa kepada JPM untuk menjalankan program CSI di ladang-ladang sawit secara efektif. Pada ketika ini program parol hanya tertakluk kepada kuasa di bawah Akta 537 (Pindaan 2008) yang menyatakan fungsi khusus berkaitan tetapi tidak menyentuh peranan Kementerian/Agensi Kerajaan lain, pihak swasta mahupun NGO. Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati JPM sedang berdepan isu kesesakan penjara yang memaksa dijalankan program pemulihan luar penjara. Dalam hubungan ini, JPM telah menyasarkan sehingga 2/3 program pemulihan dalam komuniti akan diadakan di masa hadapan. Berdasarkan kapasiti penjara dan jumlah penghuni yang telah melebihi 70,000 orang pada ketika ini, JPM sangat mengharapkan bahawa program pemulihan dalam komuniti dapat ditingkatkan secara mampan.

Selain itu, sehingga kini tidak wujud sebarang bentuk latihan perladangan yang ditawarkan oleh JPM kepada penghuni penjara dalam Fasa III PPI. Perkara ini terjadi kerana pelbagai isu seperti kekangan tanah dan penarikan diri syarikat tertentu yang pada awalnya berhasrat untuk mengadakan latihan kepada penghuni penjara. Namun, apa yang menarik perhatian pengkaji ialah informan di kalangan pihak industri terbuka untuk mengadakan sebarang kerjasama latihan dengan pihak JPM. Di samping itu, penawaran kerjasama dengan organisasi latihan, iaitu IMPAC yang diletakkan di bawah MPOB kepada banduan di penjara. Pengkaji percaya dengan adanya latihan

yang baik, kebolehan pasaran banduan di ladang-ladang akan dapat ditingkatkan. Perkara ini selaras dengan pandangan Peled-Laskov, Shoham dan Cojocar (2019) yang mendapati banduan yang mengikuti program parol dan mendapat sokongan vokasional mempunyai kelebihan untuk diambil bekerja, mendapat tingkat upah lebih tinggi dan mempunyai kadar kepenjaraan lebih rendah.

Cadangan dan prospek masa hadapan

Pihak Kerajaan telah berusaha sedaya upaya bagi memastikan program parol dapat dilaksanakan secara meluas di seluruh negara, khususnya di ladang-ladang sawit. Walau bagaimanapun, pelaksanaan program ini tidak dapat berjalan dengan lancar tanpa sokongan dan kerjasama yang kukuh daripada semua pihak yang terlibat, termasuk Kementerian dan Agensi Kerajaan, Kerajaan Negeri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pihak industri serta komuniti setempat. Berdasarkan batasan kajian yang telah dikenal pasti, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan kajian lanjutan bagi menilai keberkesanan program parol di ladang sawit secara lebih menyeluruh.

Antara cadangan tersebut ialah menjalankan kajian keberkesanan program parol di ladang-ladang sawit dengan menggunakan data residivisme secara kuantitatif. Kajian ini perlu mengambil kira data residivisme bagi tempoh tiga tahun akan datang dan membuat perbandingan dengan data residivisme CSI dalam sektor ekonomi lain seperti perkilangan, restoran dan sektor-sektor lain yang berkaitan. Selain itu, kajian keberkesanan program parol di ladang sawit terhadap orang diparol selepas tamat tempoh parol juga dicadangkan untuk dilaksanakan secara kualitatif. Kajian ini boleh melibatkan pemerhatian terhadap proses pemulihan orang diparol bagi menilai perubahan tingkah laku, tahap penyesuaian sosial dan keberkesanan program dalam jangka masa panjang. Namun demikian, kajian seperti ini memerlukan tempoh masa yang lebih panjang kerana proses pemerhatian terhadap bekas orang diparol memerlukan masa tertentu bagi memastikan dapatan kajian dapat disahkan dengan lebih tepat. Di samping itu, pemilihan sampel kajian yang mencukupi juga penting bagi memastikan hasil kajian mempunyai tahap kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi.

Seterusnya, kajian khusus perlu dijalankan bagi meneliti pengaruh penempatan orang diparol di ladang-ladang sawit milik syarikat besar berbanding syarikat sederhana. Kajian ini penting untuk mengkaji perbezaan aspek pemulihan yang dialami oleh orang diparol semasa ditempatkan di ladang-ladang dengan persekitaran, pengurusan dan kemudahan yang berbeza. Melalui kajian ini, faktor-faktor yang dapat menyumbang kepada keberkesanan proses pemulihan dan integrasi semula orang diparol dalam masyarakat dapat dikenal pasti dengan lebih jelas.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa kejayaan program parol di ladang kelapa sawit bergantung kepada sokongan institusi yang bersepadu melibatkan kerajaan, pegawai parol, majikan, komuniti dan NGO. Walaupun terdapat cabaran seperti stigma masyarakat, kekangan pemantauan, masalah disiplin peserta dan kekurangan modul latihan moden, program ini tetap memberikan impak positif melalui penyediaan peluang pekerjaan, pendapatan tetap serta pengurangan risiko residivisme. Selain membantu proses pemulihan sosial orang diparol, program ini turut memberi manfaat kepada industri perladangan dengan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Kajian ini mempunyai kerelevanan yang tinggi dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya SDG 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi melalui penyediaan peluang

pekerjaan yang produktif dan inklusif kepada bekas banduan. Selain itu, kajian ini juga berkait dengan SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan kerana program parol membantu golongan bekas pesalah untuk kembali diterima dalam masyarakat dan memperoleh peluang ekonomi yang lebih adil.

Penghargaan

Penyelidikan ini telah dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) di bawah Kod Projek Penyelidikan: FRGS/1/2023/SSI03/UKM/02/3, yang telah memungkinkannya penerbitan ini.

Rujukan

- Borzycki, M., & Baldry, E. (2003). *Promoting Integration: The Provision of Prisoner Post-Release Services*. Australian Institute of Criminology.
- Bronfenbrenner, U. (1977). Toward an experimental ecology of human development. *American Psychologist*, 32(7), 513–531.
- Dammer, H. R. (2012). Rehabilitation through nature: Therapeutic landscapes in correctional settings. *Journal of Therapeutic Communities*, 33(1), 38–52.
- Dyer, C. L. (1990). *Sharing The Fishing: Resource Utilization and Kinship Cooperation in Three Mexican Artisanal Communities* [Doctoral dissertation, Arizona State University].
- Elings, M., & Hassink, J. (2008). Green care farms, a safe community between illness or addiction and the wider society. *Therapeutic Communities*, 29(3), 310–322.
- Griffiths, C. T., Dandurand, Y., & Murdoch, D. (2007). *The Social Reintegration of Offenders and Crime Prevention*. Public Safety Canada.
- Hasnizam, H., Mohd. Zamre, A., & Mohd. Fauzi, A. (2018). Sistem parol dan pemulihan banduan di Malaysia. *Jurnal Kriminologi Malaysia*, 7(2), 45–58.
- Jabatan Penjara Malaysia. (2023). Laporan residivisme banduan 2023. Kementerian Dalam Negeri.
- Joseph, C. (2022). Labour shortage in Malaysian palm oil sector and its economic impact. *Journal of Agribusiness*, 15(1), 33–48.
- Kementerian Dalam Negeri. (2023). Kesesakan penjara di Malaysia. Kementerian Dalam Negeri.
- Kementerian Perlindungan dan Komoditi. (2022). Statistik pekerja sektor sawit Malaysia 2022.
- Kementerian Perlindungan dan Komoditi. (2023). Laporan tahunan industri sawit Malaysia 2023.
- Marlyna, M., Azianura, H., & Er, A. C. (2019). Employment preferences among Malaysian youth: Challenging the 3D job perception. *Malaysian Journal of Society and Space*, 15(3), 77–89.
- Newman, E. (2007). Criminal legacies of war economy. *Journal of Development*, 3(3), 49–62.
- Nisar, T. M., Noor, M., & Rahman, S. (2018). Redefining 3D jobs in Malaysia: Challenges and opportunities. *Asian Journal of Social Science*, 46(2), 211–229.
- Norruzeyati, C. (2020). *Integrasi Sosial dan Residivisme Banduan di Malaysia* [Doctoral dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Nurina, A., Mohd Na'eim, A., & Zawiyah, M. Y. (2019). The role of foreign labour in sustaining Malaysia's palm oil industry. *Journal of Business and Social Development*, 7(1), 45–60.

- Siti Jalilah, M. (2022). *Pemulihan Komuniti Melalui Sistem Parol: Kajian Kes Ladang Sawit di Johor* [Master's dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Visher, C., Debus, S., & Yahner, J. (2008). Employment after prison: A longitudinal study of former prisoners. *Justice Quarterly*, 25(4), 698–718.
- World Bank. (2023). Malaysia economic monitor: Strengthening the labor market.
- Van Mulekom, L. (1999). An institutional development process in community-based coastal resource management: Building the capacity and opportunity for community-based co-management in a small-scale fisheries community. *Ocean & Coastal Management*, 42(2), 1–22.